

Headline **Rawatan awal mampu pulihkan pesakit Aids**
Date **10. Apr 2009** Language **MALAY**
Media Title **Sinar Harian** Page No **N21**
Section **Global** Article Size **75** cm2
Circulation **60000** Frequency **Daily**
Readership **0** Color **Black/White**
AdValue **301.16**



Rawatan awal mampu pulihkan pesakit Aids

LONDON - Pesakit Aids sepatutnya lebih awal menerima rawatan untuk virus tersebut bagi memberi peluang hidup buat mereka, menurut saintis setalam.

Analisis yang dijalankan terhadap 45,000 pembawa HIV di Eropah dan Amerika Utara itu mendapati 48 peratus pesakit akan cenderung membentuk virus Aids atau menemui ajal sekiranya mereka tidak mendapatkan rawatan awal.

Setakat ini, tiada rawatan yang dapat memulihkan virus HIV yang menjadi punca kepada penyakit Aids.

Namun kombinasi ubat-ubatan mampu mengekang virus tersebut daripada membentuk virus-virus baru dan merosakkan sistem imun tubuh jika ia diambil lebih awal.

Menurut saintis, kebiasaannya pihak doktor tidak akan memulakan sebarang rawatan selagi tiada bukti yang menunjukkan sistem imun tubuh sudah terjejas.

Garis panduan ketika ini mensyaratkan bahawa pembawa HIV perlu mendapatkan rawatan selepas sel imun jatuh di bawah paras 350 berbanding di bawah 450 sel imun permikro liter darah seperti yang dicadangkan.